

YBrs. Dr. Mohamad Norjayadi bin Tamam
Timbalan ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor

Melalui

Mohd Hisyam bin Hatimtai
Pengurus Kanan
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor

7 November 2024

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Tuan,

**NOTIS BERHENTI KERJA SEBAGAI PERSONEL MYSTEP DI PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**


Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya, Nur Ashaffiah binti Shahrin, ingin mengemukakan notis berhenti kerja dari Personel MySTEP di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang berkuat kuasa pada 30 November 2024. Keputusan ini diambil setelah saya menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai Penolong Pengurus Gred E9 (Kontrak) di MPC yang berkuatkuasa pada 1 Disember 2024.

3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Seksyen Daya Saing Negara, khususnya kepada penyelia saya, En. Mohd Hisyam bin Hatimtai, serta rakan sekerja yang telah memberikan bimbingan, dan kerjasama sepanjang tempoh perkhidmatan saya di MPC. Saya amat berterima kasih atas segala ilmu dan pengalaman yang telah saya perolehi, ia pastinya menjadi asas penting dalam perkembangan kerjaya saya pada masa hadapan.

4. Saya akan memastikan kelancaran proses peralihan dengan menyelesaikan segala tugas yang masih berbaki dan membantu dalam sebarang penyerahan kerja yang diperlukan sepanjang tempoh notis ini. Saya berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan dan memproses notis peletakan jawatan saya dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.



Nur Ashaffiah binti Shahrin
Personel MySTEP
Seksyen Daya Saing Negara
Perbadanan Produktiviti Malaysia